

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

SOALAN : NO. 181

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan secara terperinci berapakah jumlah mahasiswa (nama pelajar dan pusat pengajian) di IPTA yang berasal dari kawasan Parlimen Sibuti (meliputi kawasan Bekenu, Niah, Lambir, Taman Tunku) yang diterima sejak 2013, 2014 dan terkini 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar dari Daerah Sibuti di Universiti Awam bagi tahun 2013 sehingga Oktober 2015 ialah seramai 391 orang. Di Politeknik, jumlah pelajar dari Daerah Sibuti pada tahun 2013 hingga 2015 adalah seramai 204 orang manakala di Kolej Komuniti pula bagi tempoh yang sama ialah seramai 30 orang.